

20/03/1997

Konservasi hidupan liar di kampung Orang Asli

JOHOR BAHRU, Rabu - Kerajaan Pusat memilih Kampung Peta, sebuah perkampungan Orang Asli di Mersing untuk menjalankan program pendidikan konservasi hidupan liar.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Dr Chua Soi Lek, berkata Kampung Peta yang juga menjadi pintu masuk utama ke Taman Negara Endau-Rompin dipilih kerana keluasannya 220 hektar dan mempunyai seramai 200 keluarga.

Menurutnya, program pendidikan hidupan liar itu dibiayai sepenuhnya oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

"Tujuan utama program itu ialah untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan hidupan liar untuk memastikan keseimbangan alam semula jadi.

"Selain itu, ia juga bertujuan menekankan kepada Orang Asli bahawa mengekalkan hidupan liar akan menjamin haiwan seperti badak dapat dikenali bukan saja generasi sekarang malahan generasi masa depan," katanya di sini, hari ini.

Pertengahan bulan lalu, Perdana Menteri menegur pihak tertentu supaya jangan bersikap keterlaluan dalam memelihara hidupan liar sehingga menimbulkan masalah kepada manusia.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, setiap kegiatan pembangunan yang dijalankan perlu seimbang dengan usaha melindungi atau memelihara hidupan liar.

Sambil menegaskan kerajaan negeri harus menyediakan peruntukan bagi melindungi hidupan liar, Perdana Menteri bagaimanapun mengingatkan supaya usaha itu tidak mengabaikan kebajikan manusia kerana manusia juga perlu dipelihara dan dilindungi.

Chua berkata, pada peringkat awal, pegawai Perhilitan dan UNDP akan mengadakan perjumpaan dan perbincangan serta tayangan video bagi menyedarkan masyarakat Orang Asli mengenai pentingnya hidupan liar.

Menurutnya, bagi program jangka panjang, mereka akan dibawa melawat ke kawasan konservasi termasuk ke zoo dan Taman Negara.

(END)